

Rampas dadah RM18 juta dekat sempadan Malaysia-Thailand

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**

zaid.noor@mediamulia.com.my

PADANG TERAP: Polis merampas heroin seberat 108 kilogram (kg) bernilai RM18 juta dipercayai diseludup dari negara jiran setelah menahan dua lelaki warga Thailand di Jalan Padang Sanai di sini, kelmarin.

Ketua Polis negeri, Datuk Hassanuddin Hassan berkata, dua lelaki terbabit masing-masing berusia 28 tahun ditahan dalam kereta Proton Wira Aero-back pada pukul 8 malam.

Katanya, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kedah melakukan serbuan ke atas kereta tersebut yang berada dalam keadaan mencurigakan.

“Hasil pemeriksaan lanjut, polis menemukan heroin seberat 108kg di bonet belakang kereta dengan nilai pasaran semasa RM18 juta,” katanya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padang Terap.

Beliau memberitahu, siasatan awal dipercayai dadah tersebut untuk pasaran di selu-



HASSANUDDIN Hassan (dua dari kanan) menunjukkan dadah yang dirampas dalam sidang akhbar di IPD Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah, semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

ruh negara.

Hassanuddin berkata, hasil siasatan ke atas dua lelaki itu, po-

lis dibantu oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Kem Bidor menahan seorang lelaki tempatan beru-

sia 32 tahun dan seorang lelaki Thailand berusia 48 tahun yang menaiki pacuan empat roda di

kawasan hutan Situlang, Kuala Nerang pukul 6 pagi semalam.

Katanya, pemeriksaan lanjut menemukan ganja seberat 7.75kg bernilai RM20,000 di bahagian tempat duduk belakang kenderaan berkenaan.

Beliau berkata, serbuan seterusnya dibuat di kawasan sama pada pukul 10.30 pagi dan menahan seorang lelaki Melayu serta seorang lelaki Thailand yang keluar dari kenderaan Mitsubishi Triton sebelum menjumpai selaras senapan patah dan sebilah parang panjang.

“Polis turut menjumpai dadah jenis syabu seberat 9.3 gram dan 5.18 gram dadah jenis pil kuda,” katanya.

Selain itu, katanya, polis menahan seorang lagi lelaki warga Thailand yang mencurigakan di kawasan hutan tersebut yang terdapat beberapa khemah sementara.

“Lokasi mereka ditahan sangat hampir dengan sempadan, jadi kita syak mereka jadikan kawasan itu sebagai transit,” katanya.